KTM KOMUTER
Perkhidmatan oleh: KTMB

MyKomuter50

SOALAN LAZIM (FAQ) Pas MyKomuter50



Tempoh Pelaksanaan: 1 Disember 2026

MAKLUMAT AM

1. Apakah **Pas MyKomuter50**?
Pas MyKomuter50 ialah pas perjalanan tanpa had selama 30 hari dengan harga **RM50** bagi warganegara Malaysia yang layak. Pas ini boleh digunakan untuk perkhidmatan KTM Komuter Utara, KTM Komuter Lembah Klang dan Shuttle Selatan

2. Apakah tujuan pelaksanaan **Pas MyKomuter50**?
Pas MyKomuter50 bertujuan untuk menggunakan kos perjalanan penguna yang mempunyai perkhidmatan KTM Komuter secara harian

3. Bilakah **Pas MyKomuter50** mula berkuat kuasa?
Program **Pas MyKomuter50** akan dilaksanakan mulai **1 Disember 2026**

4. Berapakah harga **Pas MyKomuter50**?
Harga Pas MyKomuter50 ialah RM50 bagi setiap jenis perkhidmatan, seperti berikut:
   - **Pas MyKomuter50 Utara**
   - **Pas MyKomuter50 Lembah Klang**
   - **Pas MyKomuter50 Selatan**

   Setiap pas hanya sah untuk perkhidmatan yang dipilih.

KELAYAKAN PENGGUNA

5. Siapakah yang layak membeli **Pas MyKomuter50**?
Penguna perlu memenuhi semua syarat berikut:
   - **Warganegara Malaysia**
   - **Berumur 7 tahun dan ke atas**
   - **Telah mendapat kelulusan pengaktifkan MyKomuter50**
   - **Bukan penggunaa MyRailLife**

6. Adakah bukan warganegara Malaysia layak membeli **Pas MyKomuter50**?
Tidak. **Pas MyKomuter50** hanya ditawarkan kepada warganegara Malaysia

7. Adakah penguna MyRailLife boleh membeli **Pas MyKomuter50**?
Tidak. Penguna **MyRailLife** tidak layak untuk membpatkan **Pas MyKomuter50**

8. Adakah saya perlu mengaktifkan kelayakan sebelum membeli pas?
Ya. Penguna perlu memastikan bahawa pengaktifan **MyKomuter50** telah diluluskan sebelum membuat pembelian

PENGAKTIFAN DAN PENDAFTARAN

9. Bagaimanakah cara untuk mengaktifkan **MyKomuter50**?
Pengaktifan boleh dibuat melalui tiga kaedah berikut;
   - **Dalam talian:** Melalui aplikasi KTMB Mobile / KITS Style dengan memuat naik salinan MyKad atau MyID
   - **Mesin Kios Tiket:** Di kios tiket stesen KTM Komuter dengan memasukkan MyKad atau MyKid ke dalam slot pembaca kad pengenalan untuk tujuan pengesahan
   - **Kaunter Stesen:** Di kaunter stesen KTM Komuter dengan mengemukakan MyKad atau MyKid asal kepada kaktikan stesen untuk pengesahan

10. Berapa lamakah tempoh kelulusan pengaktifan **MyKomuter50**?
Tempoh kelulusan adalah seperti berikut:
   - **Mesin Kios Tiket:** Kelulusan serta-merta
   - **Kaunter Stesen:** Kelulusan serta-merta
   - **Pengaktifan dalam talian:** Dalam tempoh 3 hari bekerja

11. Bolehkah saya membeli **Pas MyKomuter50** sekiranya pengaktifan masih belum diluluskan?
Tidak. Penguguna perlu menunggu sehingga pengaktifan diluluskan sebelum membuat pembelian pas

PEMBELIAN PAS DAN MEDIUM TIKET

12. Di manakah **Pas MyKomuter50** boleh dibeli?
Pas MyKomuter50 boleh dibeli melalui kaedah berikut:
   - Pembelian dalam talian: Melalui aplikasi KTMB Mobile / KITS Style dengan medium tiket Kad QR Dinamik
   - Pembelian di kaunter stesen: Menggunakan Kad Komuter Link yang dijual secara berasingan

13. Apakah medium tiket yang tersedia untuk **Pas MyKomuter50**?
Terdapat dua medium tiket:
   - Kad QR Dinamik yang dibeli secara digital melalui aplikasi KTMB Mobile / KITS Style.
   - Kad Komuter Link yang dibeli di kaunter stesen KTM Komuter

14. Bolehkah saya menggunakan Kad Komuter Link sedia ada untuk membeli **Pas MyKomuter50**?
Ya, dengan syarat semua perkara berikut dipenuhi:
   - Tiada tempoh Pas Minggu/pas atau Pas Bulanan tempoh sah lakunya bertindih dengan tempoh sah laku **Pas MyKomuter50** bagi sektor yang sama
   - Tiada tetapan Pas MyRailLife yang masih aktif

15. Bolehkah saya memiliki lebih daripada satu **Pas MyKomuter50**?
Ya. Penguna dibenarkan memiliki satu pas aktif bagi setiap jenis perkhidmatan ketika pada masa yang sama:
   - **Satu Pas MyKomuter50 Utara**
   - **Satu Pas MyKomuter50 Lembah Klang**
   - **Satu Pas MyKomuter50 Selatan**

16. Bolehkah saya memiliki Kad QR Dinamik dan Kad Komuter Link untuk **MyKomuter50** secara serentak?
Tidak. Penguguna hanya dibenarkan memiliki satu medium tiket bagi penggunaan **Pas MyKomuter50** pada satu-satu masa

17. Apakah yang berlaku kepada Kad QR **Pas MyKomuter50** saya di dalam Aplikasi KTMB Mobile/KITS Style jika saya memberi **Pas MyKomuter50** kedua pada Kad Komuter Link?
Kad QR **Pas MyKomuter50** yang dibeli melalui Aplikasi KTMB Mobile / KITS Style akan tertakluk secara automatik sekiranya penguna membuat pembelian **Pas MyKomuter50** yang baharu pada Kad Komuter Link

18. Di manakah saya boleh membeli **Pas MyKomuter50** pada Kad Komuter Link?
Penguna boleh membuat pembelian **Pas MyKomuter50** pada Kad Komuter Link di kaunter stesen-stesen KTM Komuter seperti berikut:

a. **19 Stesen** Terpilih bagi **Perkhidmatan KTM Komuter Utara**:-
   - **Padang Besar**
   - **Arau***
   - **Alor Setar**
   - **Sungai Petani***
   - **Tasek Gelugor**
   - **Bukit Mertajam***
   - **Perit Buntar**
   - **Taiping**
   - **Kuala Kangsar**
   - **Ipoh***

b. **20 Stesen** Terpilih bagi **Perkhidmatan KTM Komuter Lembah Klang**:-
   - **Tanjung Malim**
   - **Rawang***
   - **Sungai Buloh***
   - **Kepong Sentral**
   - **Segambut Utara**
   - **Bank Negara**
   - **KL Sentral***
   - **Bandar Tasek Selatan***
   - **Kajang***
   - **UKM**
   - **Batang Benar**
   - **Nilai**
   - **Seremban***
   - **Sungai Gadut**
   - **Pulau Sebang/ Tampin**
   - **Abdullah Hukum**
   - **Subang Jaya**
   - **Shah Alam**
   - **Klang**
   - **Batu Caves**

c. **4 Steen** Terpilih bagi **Perkhidmatan Shuttle Selatan**:-
   - **Pulah**
   - **Kluang***
   - **Kempas baru**
   - **JB Sentral***

Nota: Kaunter Tambahan disediakan di stesen-stesen bertanda *, bagi penguguna yang ingin mendapatkan **Pas MyKomuter50** pada Kad Komuter Link

Walau bagaimanapun, penguna masih boleh membuat pengaktifan **Pas MyKomuter50** di semua mesin kios tiket yang terdapat di seluruh stesen Perkhidmatan KTM Komuter

19. Adakah pembelian **Pas MyKomuter50** melayakkan saya mendapat ganjaran Rail Rewards Loyalty Programme?
Tidak. Pembelian **Pas MyKomuter50** tidak tertakluk kepada **Terma dan Syarat Rail Rewards Loyalty Programme**

20. Bolehkah **Pas MyKomuter50** yang telah dibeli dibatalkan, dipindahkan atau dibayar balik?
Tidak. Pembatalan, pemindahan dan bayaran balik bagi pas yang telah dibeli adalah tidak dibenarkan

21. Siapakah yang bertanggungjawab sekiranya Kad Komuter Link saya rosak atau hilang?
KTMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan Kad Komuter Link yang telah ditetapkan dengan **Pas MyKomuter50**

22. Bagaimanakah cara untuk menyemak tempoh sah laku **Pas MyKomuter50** pada Kad Komuter Link?
Penguna boleh menyemak tempoh sah laku pas melalui aplikasi KTMB Mobile / KITS Style atau Mesin Kios Tiket di stesen KTM Komuter

TEMPOH SAH LAKU DAN PENGGUNAAN PAS

23. Berapa lamakah tempoh sah laku **Pas MyKomuter50**?
Pas MyKomuter50 sah untuk tempoh **30 hari.** Penguna hendaklah merujuk tempoh sah laku yang tercatat pada pas masing-masing

24. Apakah perkhidmatan tren yang boleh digunakan dengan **Pas MyKomuter50**?
Pas hanya boleh digunakan untuk jenis perkhidmatan yang dibeli, tertakluk kepada laluan yang ditetapkan

25. Apakah laluan yang diliputi oleh **Pas MyKomuter50 Utara**?
Pas MyKomuter50 Utara boleh digunakan bagi laluan berikut:
   - **Padang Besar – Butterworth – Padang Besar**
   - **Butterworth – Ipoh – Butterworth**

26. Apakah laluan yang diliputi oleh **Pas MyKomuter50 Lembah Klang**?
Pas MyKomuter50 Lembah Klang boleh digunakan bagi laluan berikut:
   - **Tanjung Malim – Pelabuhan Klang – Tanjung Malim**
   - **Batu Caves – Pulau Sebang / Tampin – Batu Caves**

27. Apakah laluan yang diliputi oleh **Pas MyKomuter50 Selatan**?
Pas MyKomuter50 Selatan boleh digunakan bagi laluan berikut:
   - **Pulah – JB Sentral – Pulah**
   - **Kempas Baru – Pasir Gudang – Kempas Baru**

28. Bolehkah saya menaiki tren dari mana-mana stesen ke mana-mana stesen dalam laluan yang diliputi?
Ya. Penguna boleh membuat perjalanan dari mana-mana stesen permulaan ke mana-mana stesen destinasi dalam laluan perkhidmatan yang sama, tertakluk kepada syarat penggunaan pas

29. Adakah saya perlu mengimbas masuk dan mengimbas keluar semasa menggunakan **Pas MyKomuter50**?
Ya. Penggguna wajib melengkapkan transaksi perjalanan dengan mengimbas masuk di stesen permulaan dan mengimbas keluar di stesen destinasi

30. Bolehkah saya memindahkan **Pas MyKomuter50** kepada orang lain?
Tidak. **Pas MyKomuter50** hanya boleh digunakan oleh pemilik pas dan tidak boleh dikongsi atau digunakan oleh individu lain

31. Adakah saya perlu membawa dokumen pengenalan diri semasa menggunakan **Pas MyKomuter50**?
Ya. Penguna perlu mengemukakan **Pas MyKomuter50** bersama-sama MyKad atau MyKid kepada kaktangan KTMB semasa pemeriksaan

32. Bolehkah **Pas MyKomuter50** digunakan untuk perkhidmatan Rapid KL, Rapid Penang atau ERL?
Tidak. **Pas MyKomuter50** tidak sah digunakan untuk perkhidmatan rel dan bas Rapid KL, perkhidmatan rel dan bas Rapid Penang serta perkhidmatan ERL

33. Apakah yang berlaku sekiranya saya tidak dapat menggunakan **Pas MyKomuter50** untuk menaiki tren KTM Komuter?
Berdasarkan Terma dan Syarat, KTMB tidak bertanggungjawab terhadap kerugian yang ditanggung penguguna dan tidak menyediakan pampasan sekiranya penguguna tidak dapat menggunakan pas untuk menaiki tren KTM Komuter

34. Adakah terdapat terma dan syarat lain yang perlu dipatuhi?
Ya. Penggunaan **Pas MyKomuter50** adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Perkhidmatan Komuter yang sedang berkuat kuasa

KAD KOMUTER LINK ROSAK ATAU HILANG

35. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya Kad Komuter Link yang mempunyai **Pas MyKomuter50** rosak atau hilang?
Penguna perlu hadir sendiri ke mana-mana stesen KTM Komuter untuk membuat laporan kehilangan atau kerosakan kad

36. Bolehkah saya terus menggunakan Kad Komuter Link selepas melaporkan kehilangan atau kerosakannya?
Tidak. Kad yang dilaporkan rosak atau hilang akan disenarai hitamkan dan tidak boleh digunakan semula

37. Bolehkah **Pas MyKomuter50** dipindahkan ke Kad Komuter Link baharu?
Tidak. Pemindahan pas yang telah dibeli tidak dibenarkan.

SALAH GUNA PAS DAN PENALTI

38. Apakah tindakan yang akan dikenakan sekiranya saya menggunakan **Pas MyKomuter50** milik orang lain?
Penggunna yang didapati menggunakan pas milik orang lain akan surcuj denda sebanyak **RM30.00** serta tambang perjalanan

39. Apakah yang berlaku sekiranya saya gagal atau enggan membayar surcuj denda dan tambang perjalanan?
Penguna boleh dikeluarkan dari tren di stesen seterusnya yang dijadualkan sebagai tempat tren berhenti

INFORMASI LANJUT

Informasi dan pertembangan terkini berkaitan perkhidmatan KTM Komuter boleh dilihat melalui:

Media sosial rasmi KTM Berhad

ktmberhad | ktmofficial | ktmofficialfan | ktm berhad | ktm_berhad | ktmberhadfan | ktm rail channel

Laman sesawang rasmi KTM Berhad
www.ktmb.com.my

03 2775 1200 | mailcenter@ktmb.com.my